

Struktur Kurikulum Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Sarimah Ismail,* Wan Zulkhairi Zakaria, Nor Fadila Amin

Faculty of Education, UTM Johor Bahru

*Corresponding author: p-sarima@utm.my

Abstrak

Tahap penguasaan calon guru Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) berada pada tahap sederhana bagi komponen iktisat pendidikan dan tumpuan kedua. Keyakinan mereka untuk mengajar di sekolah juga berada pada tahap sederhana. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kepuasan pelajar lulusan program DPLI PTV terhadap struktur kurikulum program DPLI PTV dan struktur kurikulum yang sesuai untuk program DPLI PTV. Kajian yang mengaplikasi rekabentuk kajian campuran ini menggunakan borang soal selidik, protokol temubual dan dokumen sebagai alat mengumpul data. Pembinaan item borang soal selidik telah dinilai oleh perisian model Rasch. Temubual melibatkan penyelaras program IPTA yang menawarkan program DPLI PTV iaitu UTM, UPM, UTHM dan UPSI. Borang soal selidik telah dijawab dengan lengkap oleh 160 guru lepasan program DPLI PTV yang mengajar di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS versi 16.0 sementara dapatan temubual dianalisa menggunakan sistem koding. Dapatan kajian menunjukkan tempoh program DPLI PTV perlu ditambah kepada tiga semester, jumlah kursus pendidikan teknikal juga perlu ditambah bagi membolehkan calon guru DPLI PTV menguasai bidang pendidikan teknikal yang mengandungi pelbagai pengkhususan sebagai persediaan untuk mengajar di sekolah. Kajian ini telah mencadangkan struktur kurikulum baru bagi program DPLI PTV pengkhususan Kemahiran Hidup.

Kata kunci: Struktur kurikulum, DPLI, PTV

PENGENALAN

Tempoh latihan perguruan Program DPLI pada awal pengenالannya pada tahun 2006 adalah selama sepuluh bulan yang dipecahkan kepada dua semester. Namun setelah berlaku proses semakan semula kurikulum, bermula pada tahun 2012, tempoh pelaksanaan dipanjangkan kepada 3 semester dengan pertambahan bilangan kredit daripada 40 kredit kepada 48 kredit dan penambahan beberapa komponen baru seperti kursus wajib (Tamadun Islam dan Asia, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam/Moral), pengajian profesional guru, kokurikulum dan praktikum (rujuk Rajah 1).

Rajah 1: Struktur Kurikulum Program DPLI Mulai Tahun 2012

Komponen Kursus	Kredit	Perubahan kredit
1) Kursus wajib * (Tamadun Islam dan Asia, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam/Moral)		
2) Dinamika Guru	5	-4**
3) Pengajian Profesional Guru	13	+6
4) Pengkhususan (Major) a. Kurikulum sekolah (1 kredit) b. Kandungan (2 kredit) c. Pedagogi (3 kredit) d. Pengajaran Mikro dan Makro (2 kredit) e. Kaedah Pentaksiran (2 kredit)	10	+2
5) Pengkhususan (Elektif)	8	Tiada penambahan
6) Kokurikulum	4	+1
7) Praktikum	8	+2
Jumlah	48	

Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2010)

*Dikecualikan kepada calon guru yang telah mengambil kursus ini di peringkat Ijazah Sarjana Muda

**(-) pengurangan kredit, (+) penambahan kredit.

LATAR BELAKANG MASALAH

Struktur kurikulum program DPLI melibatkan lima komponen dengan jumlah pemberatan sebanyak 40 kredit (rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Struktur Kurikulum Program DPLI Tahun 2006 - 2011

Komponen Kursus	Kredit
1) Ikhtisas Pendidikan	17
2) Kaedah Mengajar	4
3) Pengajaran Mikro	2
4) Pendidikan Teknikal	9
5) Latihan Mengajar	8
Jumlah	40

Sumber: Universiti Putra Malaysia (2010)

Komponen tersebut adalah ikhtisas pendidikan, kaedah mengajar, pengajaran mikro, kursus pendidikan teknikal dan latihan mengajar. Komponen ikhtisas pendidikan mempunyai pemberat yang paling tinggi iaitu 17 kredit, latihan mengajar lapan kredit, kaedah mengajar empat kredit dan komponen pengajaran mikro dua kredit. Sembilan kredit diperuntukkan bagi menawarkan kursus pendidikan teknikal mengikut bidang pengkhususan dengan setiap kursus mempunyai pemberat sebanyak tiga kredit.

Mulai tahun 2012, Program DPLI seluruh Malaysia telah menggunakan struktur kurikulum baru (Rajah 1).

Walaupun terdapat penambahan komponen baru di dalam struktur kurikulum program ini, namun penekanan terhadap pendidikan ikhtisas guru masih lagi menjadi tumpuan utama program. Ini dapat dilihat melalui peruntukan jumlah jam kredit yang tinggi (25 kredit) disertai dengan penambahan komponen kursus wajib, namun tiada penambahan jam kredit diperuntukkan kepada kursus pendidikan teknikal. Justeru itu, kajian ini masih relevan untuk dijalankan bagi mengenalpasti apakah penambahbaikan yang boleh dicadangkan untuk meningkatkan lagi mutu dan kualiti guru PTV yang dihasilkan melalui struktur kurikulum program DPLI PTV.

PTV bertujuan untuk menambah bekalan modal insan berkemahiran di Malaysia yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang teknikal dan vokasional (Buku Rancangan Malaysia ke-10, 2010). Persoalannya adalah, adakah pemberat sembilan kredit di dalam komponen pendidikan teknikal mampu menghasilkan guru PTV yang berkualiti? Jika dikatakan bahawa calon guru DPLI ini telah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dari bidang pengkhususan diperingkat ijazah pertama yang lebih bersifat profesional (BPG, 2010; Suffean Hussin, 2004), adakah pengetahuan dan kemahiran bidang pengkhususan tersebut bersesuaian dengan pengkhususan program PTV yang diikuti dalam program DPLI PTV untuk mengajar mata pelajaran teknikal di sekolah menengah? Apa yang dibimbangi adalah kurangnya penguasaan pengetahuan dan kemahiran calon-calon guru yang mengikuti program DPLI PTV dalam kursus-kursus tumpuan kedua sedangkan kursus tumpuan kedua ini adalah bidang pengkhususan dalam pengajian program DPLI PTV yang diikuti dan mereka akan mengajar mata pelajaran mengikut bidang pengkhususan ini di sekolah kelak. Senario melahirkan calon-calon guru DPLI yang tidak kompeten ini jika tidak diatasi boleh menjejaskan nama baik IPTA-IPTA yang melatih mereka.

Sarimah dan Norzalia (2011) telah menjalankan kajian tinjauan ke atas 118 orang calon guru program DPLI PTV pengkhususan Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dan Sains Pertanian (SP) di salah sebuah universiti IPTA bagi mengenalpasti persepsi calon guru DPLI PTV terhadap program tersebut berdasarkan pembolehubah kesesuaian tempoh program, penguasaan calon guru terhadap kursus-kursus ikhtisas pendidikan dan kursus pendidikan teknikal (tumpuan kedua) dan keyakinan mereka untuk mengajar di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan tempoh program DPLI selama 10 bulan amat tidak mencukupi, penguasaan calon guru terhadap kursus pendidikan teknikal (tumpuan kedua) dan ikhtisas pendidikan hanya berada pada tahap yang sederhana, dan keyakinan calon guru untuk mengajar juga hanya berada pada tahap sederhana.

Ini jelas menunjukkan penilaian kembali terhadap struktur kurikulum program DPLI pengkhususan PTV ini perlu dijalankan agar penambahbaikan dapat dilakukan bagi membantu Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan IPTA yang melatih calon guru ini melahirkan guru lepasan DPLI PTV yang benar-benar berkualiti untuk disalurkan kepada sistem persekolahan di seluruh negara.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian bagi kajian ini adalah untuk

- mengenalpasti kepuasan pelajar terhadap struktur kurikulum program DPLI PTV
- membangunkan struktur kurikulum bagi program DPLI PTV

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah mengaplikasi rekabentuk kajian kuantitatif dan kualitatif. Borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian pertama dan borang ini telah dijawab oleh 160 orang guru-guru Lulusan Program DPLI PTV yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara (40 orang pelajar dari setiap IPTA yang menawarkan program DPLI PTV. Pembinaan item borang soal selidik telah dinilai oleh perisian model Rasch. Data dianalisa menggunakan perisian komputer SPSS, versi 16.0. Protokol temubual pula digunakan untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian kedua. Temubual telah dijalankan bersama penyelaras program DPLI PTV UTM, UPM, UTHM dan UPSI untuk mengenalpasti persepsi mereka terhadap struktur program DPLI PTV dan mencapai objektif kajian kedua. Data kualitatif dianalisis menggunakan sistem koding.

DAPATAN KAJIAN

a) Kepuasan pelajar terhadap struktur kurikulum program DPLI PTV

Terdapat 14 item yang mengukur pemboleh ubah kepuasan guru lulusan program DPLI PTV terhadap struktur kurikulum program DPLI PTV (rujuk Jadual 2). Purata keseluruhan kepuasan pelajar terhadap struktur kurikulum DPLI PTV berada pada tahap sederhana (min=2.95). Terdapat empat item yang mempunyai nilai min yang sederhana iaitu berkaitan isi kandungan kursus matapelajaran teknikal yang tidak mencukupi untuk menyediakan calon guru dengan pengetahuan dan kemahiran sebelum mereka mengajar di sekolah (min =2.66), dan isi kandungan kursus DPLI PTV menyediakan mereka dengan kemahiran yang mencukupi untuk mengajar di sekolah (min=2.75), kursus teknikal yang ditawarkan tidak mencukupi untuk menyediakan mereka dengan pengetahuan untuk mengajar matapelajaran PTV (min = 2.76) dan item yang menyatakan kursus teknikal menyediakan mereka dengan kemahiran yang mencukupi untuk mengajar matapelajaran PTV di sekolah (min = 2.78). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bilangan kursus dan isi kandungan teknikal yang diikuti oleh calon guru yang mengikuti program DPLI PTV adalah tidak mencukupi sehingga mengurangkan keyakinan mereka untuk mengajar matapelajaran teknikal setelah menamatkan pengajian.

Jadual 2 : Kepuasan pelajar terhadap struktur kurikulum program DPLI PTV

No	Item	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
		f (%)	f (%)	f (%)	f (%)			
1	Kursus-kursus teknikal yang ditawarkan adalah mencukupi dalam memberikan PENGETAHUAN kepada saya untuk mengajar matapelajaran PTV di sekolah	4 (2.4)	36 (21.6)	122 (73.0)	5 (3.0)	2.76	0.53	Sederhana
2	Bilangan kursus teknikal yang ditawarkan adalah mencukupi dalam memberikan KEMAHIRAN kepada saya untuk mengajar matapelajaran PTV di sekolah	4 (2.4)	28 (16.8)	134 (80.2)	1 (0.6)	2.78	0.46	Sederhana
3	Isi kandungan kursus teknikal yang ditawarkan adalah mencukupi dalam membekalkan PENGETAHUAN kepada saya untuk mengajar di sekolah	0 (0.0)	57 (34.1)	109 (65.3)	1 (0.6)	2.66	0.47	Sederhana
4	Isi kandungan kursus teknikal yang ditawarkan adalah mencukupi dalam membekalkan KEMAHIRAN kepada saya untuk mengajar di sekolah	0 (0.0)	45 (26.9)	117 (70.1)	5 (3.0)	2.75	0.48	Sederhana
5	Latihan kemahiran kursus teknikal memberikan peluang kepada saya untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari	0 (0.0)	0 (0.0)	130 (77.8)	37 (22.2)	3.22	0.41	Tinggi
6	Kursus-kursus ikhtisas yang ditawarkan dalam program DPLI bersesuaian untuk melatih saya sebagai guru PTV	0 (0.0)	12 (7.2)	138 (82.6)	17 (10.2)	3.02	0.41	Tinggi
7	Komponen Kursus Pendidikan ikhtisas (pedagogi, falsafah pendidikan, psikologi pendidikan) adalah mencukupi untuk memberikan PENGETAHUAN untuk saya mengajar	0 (0.0)	12 (7.2)	138 (82.6)	17 (10.2)	3.02	0.41	Tinggi
8	Komponen Kursus Pendidikan ikhtisas							

	(pedagogi, falsafah pendidikan, psikologi pendidikan) adalah mencukupi untuk memberikan KEMAHIRAN untuk saya mengajar	0 (0.0)	12 (7.2)	142 (85.0)	13 (7.8)	3.01	0.38	Tinggi
9	Program DPLI memberikan peluang kepada saya untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari sebelum saya menamatkan pengajian	0 (0.0)	4 (2.4)	154 (92.2)	9 (5.4)	3.02	0.26	Tinggi
10	Bilangan kredit yang perlu saya ambil untuk setiap semester adalah bersesuaian	4 (2.4)	0	145 (86.8)	18 (10.8)	3.05	0.44	Tinggi
11	Saya berpuas hati dengan isi kandungan kurikulum program DPLI yang diikuti	0 (0.0)	17 (10.2)	124 (74.3)	26 (15.6)	3.05	0.34	Tinggi
12	Saya yakin untuk mengajar di sekolah setelah mengikuti program DPLI	0 (0.0)	16 (9.6)	134 (80.2)	17 (10.2)	3.01	0.36	Tinggi
13	Saya berpuas hati dengan tempoh pengajian DPLI yang diikuti	0 (0.0)	12 (7.2)	134 (80.2)	21 (12.6)	3.05	0.440	Tinggi
14	Saya berpuas hati dengan kurikulum program DPLI kerana ianya meningkatkan potensi saya sebagai seorang guru	0 (0.0)	4 (2.4)	142 (85.0)	21 (12.6)	3.10	0.440	Tinggi
Purata Keseluruhan		0.51	10.91	79.67	8.91	2.95	0.420	Sederhana

b) Pembinaan Struktur Kurikulum Program DPLI PTV

Majoriti graduan DPLI PTV akan ditugaskan untuk mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di sekolah sepertimana dinyatakan oleh penyelaras DPLI PTV seperti berikut:

...kita bukan hanya mengajar elemen ERT sahaja, tapi kita turut selitkan dengan elemen kemahiran hidup, ini kerana kita tahu, tidak semua sekolah menawarkan ERT manakala matapelajaran KH ada hampir di semua sekolah. Jadi walaupun mereka yang ditempatkan di sekolah tidak mengajar opsyen ERT, sementara menunggu, mereka boleh mengajar KH...(R2-U1-20/4 b 53-58)

...untuk peringkat sekolah menengah rendah tak ada matapelajaran menjurus seperti sains pertanian dan jahitan, yang ada adalah KH, jadi suka tak suka, kita train calon DPLI supaya untuk mampu mengajar matapelajaran KH..itu yang jadi masalahnya.. pelajar ni tak boleh mengajar matapelajaran yang spesifik...kepada hanya satu matapelajaran teknikal, maka ini adalah cara untuk menyediakan mereka untuk mengajar di sekolah...(R1-U4-10/5 b 64-71)

...buat masa ini, setiap pelajar di UPM yang mengikuti Sains Rumah Tangga dan Sains Pertanian juga perlu mengambil sebahagian daripada komponen Kemahiran Hidup iaitu kemahiran manipulatif..bagi pelajar SRT, dia perlu ambil pertanian, mereka juga perlu mengambil perdagangan...(R1-U3-3/5 b 80-82)

Bagi memastikan calon guru yang mengikuti program DPLI PTV bersedia mengajar matapelajaran selain daripada pengkhususan mereka setelah ditempatkan di sekolah kelak, mereka perlu didedahkan dengan komponen-komponen yang ada di dalam matapelajaran KHB, seperti yang dinyatakan oleh penyelaras DPLI UPSI berikut:

...Di UPSI hanya ada ERT, jadi mereka tak akan bersedia untuk mengajar matapelajaran KH sebab KH adalah campuran daripada pelbagai matapelajaran. Jadi untuk menyediakan mereka, kita rasa perlu ada tambahan kredit dan matapelajaran seperti masakan, pendidikan teknikal dan jahitan...(R3-U3-30/4 b 32-37)

....kita cadangkan penambahan beberapa aspek seperti jahitan, masakan, pendidikan teknikal dan pertanian di dalam kurikulum mereka kerana kita tahu mereka tidak akan mengajar ERT sahaja di sekolah malahan mereka akan mengajar matapelajaran yang berkaitan dengan kemahiran seperti matapelajaran MPV, KH dan sebagainya...(R3-U3-30/4 b 89-93)

Penambahan beberapa kursus di dalam program DPLI PTV bertujuan agar calon guru yang dihasilkan daripada program ini mendapat pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya sebelum mereka mengajar di sekolah seperti petikan temubual bersama penyelarar-penyelarar DPLI PTV berikut:

kalau nak jadi guru KHB, kita tahu dia punya struktur..dia kena ada komponen jahitan, masakan, pertanian, dan teknikal...teknikal ni yang banyak..teknikal ada matapelajaran iaitu LK, asas elektrik elektronik dan kerja kayu..kemudian dia ada perpaipan, automotif, dan ada 3 yang lain...matapelajaran masakan sepatunya meliputi masak asas dan lanjutan ..matapelajaran jahitan pun sama..asas, dan lanjutan...bagi pertanian pula ianya termasuk landskap, agrotek dan sebagainya.. (R1-U4-10/5 b 4-12)

....bilangan kredit dan kursus yang ditetapkan adalah diakui tidak mencukupi untuk menyiapkan mereka untuk mengajar di sekolah.Bagi program ERT, kita mencadangkan untuk menambahkan beberapa aspek seperti jahitan, masakan, pendidikan teknikal dan pertanian di dalam kurikulum mereka. Ini adalah kerana kita tahu mereka bukan sahaja akan mengajar ERT sahaja di sekolah malahan mereka akan mengajar matapelajaran yang berkaitan dengan kemahiran seperti matapelajaran MPV, KHB dan sebagainya... (R3-U3-30/4 b 87-93)

Analisis dapatan temubual menunjukkan bahawa program DPLI PTV pengkhususan Kemahiran Hidup (KH) sahaja yang memerlukan penambahan kursus di dalam struktur program yang ditawarkan. Jika dibandingkan antara program DPLI PTV KH dengan program DPLI PTV pengkhususan yang lain seperti Sains Pertanian (SP), Ekonomi Rumah tangga (ERT), Reka Cipta (RC) calon guru yang mengikuti program DPLI PTV tersebut tidak mengalami masalah kerana mereka mempunyai latar belakang pendidikan teknikal berkaitan yang kuat berdasarkan pengkhususan di peringkat ijazah sarjana muda. Oleh itu program DPLI PTV diperlukan hanya untuk memberi penekanan kepada kursus-kursus pendidikan ikhtisas bagi melengkapkan mereka dengan ilmu pedagogi untuk mengajar di sekolah. Ini adalah seperti mana yang dinyatakan oleh penyelarar DPLI berikut:

...para pelajar yang diambil untuk ERT dan SP sudah mempunyai latarbelakang isi (content). DPLI adalah bertujuan untuk memberikan fasa conversion daripada ijazah pertama yang bersifat industrial based kepada educational based. Pada pandangan saya, jika kurikulum ini akan digubal sekali lagi, mereka akan menambahkan lagi bilangan matapelajaran ikhtisas ini, bukannya bilangan komponen teknikal... (R2-U1-20/4 b 29-35)

...bagi RC, tak ada masalah kerana calon diambil daripada background kejuruteraan..kejuruteraan mesti dia tahu rekacipta adalah gabungan daripada kemahiran-kemahiran lain...kena ada elektrik-elektronik, mekanikal dan sebagainya..masalah berlaku dalam pengkhususan dalam KH, kerana terdapat pelbagai pecahan... (R1-U4-10/5 b 52-55)

Masalah yang dihadapi oleh calon guru yang mengikuti program DPLI PTV bidang KH adalah kerana matapelajaran KH mempunyai pelbagai pecahan seperti masakan, jahitan, pertanian dan matapelajaran teknikal sepertimana yang dinyatakan oleh penyelarar DPLI seperti berikut:

kalau nak jadi guru KHB, kita tahu dia punya struktur..dia kena ada komponen jahitan, masakan, pertanian, dan teknikal...teknikal ni yang banyak..teknikal ada matapelajaran iaitu LK, asas elektrik elektronik dan kerja kayu..kemudian dia ada perpaipan, automotif, dan ada 3 yang lain...matapelajaran masakan sepatunya meliputi masak asas dan lanjutan ..matapelajaran jahitan pun sama..asas, dan lanjutan...bagi pertanian pula ianya termasuk landskap, agrotek dan sebagainya.. (R1-U4-10/5 b 4-12)

Justeru itu, program DPLI PTV bidang KH harus menawarkan kursus-kursus yang mampu untuk mendedahkan calon guru kepada semua pecahan matapelajaran KH yang ada agar mereka mampu dan bersedia untuk mengajar di sekolah. Kursus-kursus yang dicadangkan supaya perlu ada di dalam program DPLI PTV pengkhususan KH mengikut temubual bersama penyelarar adalah seperti di dalam Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3 : Cadangan Kursus-kursus Pendidikan Teknikal Program DPLI PTV

Kursus	Bilangan Kredit
Pemakanan	2
Jahitan	2
Pertanian	2
Kemahiran Teknikal	3
Jumlah	9

Cadangan ini bertujuan untuk membolehkan lebih banyak kursus pendidikan teknikal dapat ditawarkan di dalam program DPLI PTV pengkhususan KH sepertimana pernyataan penyelaras DPLI berikut:

Pada pandangan saya...kita perlukan sekurang-kurangnya enam kredit lagi untuk tambahan dua matapelajaran dengan tiga kredit pemberat setiap satu...enam kredit ditambah sembilan kredit sedia ada makajumlah keseluruhan kredit kursus pendidikan teknikal adalah 15 kredit...ini adalah untuk memastikan mereka akan lebih menguasai elemen kemahiran yang ada dalam kursus pendidikan teknikal mengikut pengkhususan PTV yang mereka ikuti...(R2-U2-13/4 b 78-80)

...saya mencadangkan jumlah sebanyak 12 kredit untuk kursus pendidikan teknikal dalam program DPLI ni.dengan pecahan sebanyak 2 kredit untuk kursus jahitan, 2 kredit untuk pemakanan, 2 untuk pertanian dan 6 kredit untuk Kemahiran Teknikal,..(R1-U4-10/5 b 97-100)

Walaupun terdapat cadangan daripada penyelaras program DPLI PTV supaya bilangan kredit dilakukan untuk kursus pendidikan teknikal, namun penetapan dan pembahagian untuk kredit di dalam program ini adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh KPTM seperti mana diterangkan oleh petikan temubual seperti berikut:

...kita tak boleh tambah bilangan kredit atau pemberat sesuka hati kerana ini ditentukan oleh MQA ataupun dulu adalah LAN. Pemberat atau kredit ini ditentukan dalam mesyuarat melibatkan IPTA-IPTA yang menawarkan DPLI...(R1-U1-12/5 b 80-84)

Kita cadangkan supaya sembilan kredit untuk kursus pendidikan teknikal yang ditetapkan oleh kementerian dibahagikan kepada 2 kredit untuk jahitan, 2 kredit untuk masakan, 2 kredit untuk pertanian dan 3 untuk kemahiran teknikal...kemahiran teknikal dapat lebih kredit sebab dalam kemahiran teknikal terdapat lebih banyak pecahan...dengan pecahan sebegini, kita akan dapat menawarkan empat kursus teknikal berbanding hanya tiga sebelum ini.. (R1-U4-10/5 b 97-100)

Dapatan analisis temubual bersama penyelaras DPLI PTV mencadangkan bahawa kredit matapelajaran pendidikan teknikal di dalam program DPLI PTV perlu ditambah. Jadual 4 menunjukkan ringkasan cadangan penambahan pemberat bagi matapelajaran teknikal di dalam program DPLI bidang PTV/ KH. Kursus-kursus yang dicadangkan di dalam matapelajaran pendidikan teknikal di dalam program DPLI PTV/ KH adalah masakan, jahitan, pertanian dan kemahiran teknikal. Dengan penambahan kursus ini, calon guru akan mendapat pendedahan yang lebih kepada pendidikan teknikal dan seterusnya membolehkan mereka untuk lebih bersedia mengajar di sekolah setelah menamatkan pengajian.

Jadual 4 : Rumusan cadangan struktur kurikulum program DPLI PTV/ KH

Sedikit 14 Kemahiran Sedang dan Beraklat kemahiran program DLP 14/14				
No.	Komponen Kursus	Nama Kursus	Bilangan Kredit	Jumlah Kredit
1.	*Ikhtisas Pendidikan	Tiada perubahan	Tiada perubahan	17
2.	*Kaedah Mengajar			4
3.	*Pengajaran Mikro			2
4.	*Latihan Mengajar			8
5.	Pendidikan Teknikal	Masakan	2	9
		Jahitan	2	
		Pertanian	2	
		Kemahiran Teknikal	3	
Jumlah				40

PERBINCANGAN

Dapatan analisis temubual bersama penyelaras program DPLI PTV menunjukkan mereka mengakui bahawa bilangan kursus pendidikan teknikal yang ditawarkan di dalam program DPLI PTV adalah tidak mencukupi untuk pelajar-pelajarnya menguasai kemahiran dan isi kandungan matapelajaran teknikal. Menurut Abdul Rahim (2000), guru yang tidak dapat menguasai isi kandungan matapelajaran teknikal dengan sempurna tidak akan mampu untuk mengajar secara berkesan dan menjadi guru yang berkualiti sedangkan guru yang berkualiti sangat diperlukan di dalam sistem pendidikan PTV negara kerana kualiti guru merupakan penentu utama kepada pencapaian pelajar di dalam proses pembelajaran mereka (RMK-10, 2010).

Kajian Sarimah dan Noorzalia (2011) mendapati bahawa penguasaan calon guru yang mengikuti program DPLI PTV hanyalah berada pada tahap sederhana. Timbul persoalan adakah dengan penguasaan calon guru yang hanya pada tahap sederhana membolehkan mereka untuk mengajar dengan baik setelah mereka ditempatkan di sekolah sebagai guru PTV. Guru aliran PTV yang bagus mempunyai ciri-ciri seperti berpengetahuan tinggi, mahir dalam bidang teknikal dan cekap menjalankan tugas sebagai seorang guru (Magisos, 1989).

Latchanna dan Babu (2007:22) menyatakan bahawa *"the quality and efficiency of any education system depends on the quality of teachers who man in it"*. Pernyataan Latchanna dan Babu (2007) menjelaskan bahawa kualiti dan keberkesanan sesuatu sistem pendidikan bergantung kepada kualiti guru yang menjadi tenaga penggerak sistem tersebut. Guru yang cemerlang dan berkualiti adalah guru yang menguasai aspek pengajarannya (Mok Soon Sang 2002). Sekiranya calon guru PTV tidak dapat menguasai kursus-kursus tumpuan utama, apakah mereka boleh dikatakan mempunyai kualiti untuk mengajar setelah menamatkan pengajian di dalam bidang PTV?

Ketidakselarasan antara kursus-kursus diambil di peringkat ijazah sarjana muda dengan kursus-kursus teknikal dalam program DPLI PTV yang diikuti telah menyebabkan calon guru ini merasakan bahawa mereka kurang menguasai isi kandungan matapelajaran teknikal dan kurang yakin untuk ditempatkan mengajar di sekolah. Justeru itu, struktur program DPLI PTV tidak seharusnya hanya menekankan kepada penguasaan matapelajaran ikhtisas sahaja. Penekanan yang sama juga harus diberikan kepada matapelajaran pendidikan teknikal untuk memastikan bahawa mereka tidak akan menghadapi masalah untuk mengajar matapelajaran teknikal di sekolah. Maka banyak perkara asas dalam bidang pendidikan teknikal yang perlu dipelajari dan keadaan ini memerlukan lebih masa dan penambahan bilangan kursus teknikal yang relevan diperingkat latihan perguruan DPLI PTV.

Kemahiran teknikal boleh didefinisikan sebagai kecekapan dan kepandaian untuk mengerjakan sesuatu termasuk pengendalian penyelenggaraan kemudahan, peralatan dan bengkel (Allen, 1974). Di dalam program DPLI PTV ini, pendidikan teknikal yang diberikan kepada calon guru adalah berdasarkan jenis bidang teknikal yang diikuti. Komponen pendidikan teknikal yang diperuntukkan di dalam program DPLI bidang PTV hanya 9 jam kredit daripada keseluruhan pemberat 40 jam kredit.

Guru-guru teknikal yang lepasan daripada program DPLI PTV ini akan ditugaskan untuk mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) kerana matapelajaran tersebut ditawarkan di semua sekolah harian di Malaysia disamping isu kekurangan guru KHB. Bagi memastikan calon guru yang mengikuti program DPLI PTV selain daripada pengkhususan KHB bersedia untuk mengajar matapelajaran selain daripada pengkhususan mereka setelah ditempatkan di sekolah kelak, mereka perlu didedahkan dengan komponen-komponen yang ada di dalam matapelajaran KHB.

Masalahnya, matapelajaran KH mempunyai pelbagai pecahan seperti masakan, jahitan, pertanian dan matapelajaran teknikal. Justeru itu, program DPLI PTV bidang KH harus menawarkan kursus-kursus yang mampu untuk mendedahkan calon guru kepada semua pecahan matapelajaran KH yang ada agar mereka mampu dan bersedia untuk mengajar di sekolah. Hasil analisis temubual bersama penyelaras DPLI PTV mencadangkan bahawa bilangan pemberat ataupun kredit matapelajaran pendidikan teknikal di dalam program DPLI PTV perlu ditambah.

Cadangan penambahbaikan menerusi penambahan kursus Pemakanan (dua kredit) Jahitan (dua kredit), Pertanian (dua kredit) dan Kemahiran Teknikal (tiga kredit). Jumlah keseluruhan penawaran jam kredit masih lagi sembilan kredit sementara jumlah peruntukan keseluruhan untuk program DPLI PTV juga masih lagi sama iaitu sebanyak 40 kredit. Kajian ini juga mencadangkan agar mengurangkan masa yang diperuntukkan kepada sesi latihan mengajar untuk calon guru program DPLI ini daripada satu semester (14 minggu) kepada setengah semester sahaja (tujuh minggu). Ini bertujuan untuk membolehkan lebih banyak masa diperuntukkan kepada penawaran matapelajaran teknikal bagi meningkatkan penguasaan isi kandungan matapelajaran PTV calon guru. Dengan penambahan bilangan kursus ini, calon guru akan mempunyai lebih pendedahan kepada pendidikan teknikal yang membolehkan mereka untuk lebih bersedia mengajar di sekolah setelah menamatkan pengajian. Rumusan cadangan struktur kurikulum baru program DPLI PTV ditunjukkan di dalam Jadual 5.

Jadual 5: Cadangan Penambahbaikan Kandungan Struktur Kurikulum DPLI PTV Pengkhususan Kemahiran Hidup

Kursus Tambahan	Kredit	Tempoh Pelaksanaan
Perlukan penambahan dalam beberapa matapelajaran i. Kemahiran teknikal ii. Pemakanan iii. Jahitan iv. Pertanian	Cadangan Satu Penambahan sebanyak 6 kredit untuk kursus teknikal menjadikan jumlah kursus teknikal keseluruhan adalah 15 kredit. Cadangan Dua Penambahan sebanyak 3 kredit untuk kursus teknikal menjadikan jumlah kursus teknikal keseluruhan adalah 12 kredit. Cadangan Tiga Pembahagian semula 9 kredit yang sedia ada seperti berikut: i. 2 kredit untuk masakan ii. 2 kredit untuk jahitan iii. 2 kredit untuk pertanian iv. 3 kredit untuk kemahiran teknikal	Pembahagian masa dengan 2 ½ semester pembelajaran di kampus, dan baki ½ semester dalam latihan mengajar Sesuai dengan tempoh pelaksanaan program DPLI selama tiga semester.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa lepasan program DPLI PTV merasakan bahawa kursus teknikal yang ditawarkan di dalam program DPLI PTV adalah tidak mencukupi dalam menyediakan pengetahuan dan kemahiran untuk mereka mengajar di sekolah dan kandungan kursus matapelajaran tidak mencukupi. Kajian ini telah mencadangkan struktur baru bagi kurikulum DPLI PTV.

PENGHARGAAN

Ketua projek bagi kajian Struktur Kurikulum Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Pendidikan Teknikal dan Vokasional ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UTM diatas pembiayaan kajian ini menerusi Geran Universiti Penyelidikan dengan Vot Geran Q.J1300007131.04J78.

RUJUKAN

- Aboukinane, C. (2007). *A Qualitative Study of Creative Thinking Using Experiential*. Tesis Doktor Falsafah: Texas A&M University.
- Abu Hassan Husin. (2004). *Status Makmal dan Pelaksanaan Amali Fizik Di Sekolah-Sekolah Daerah Kuala Pilah, Jelebu dan Jempol (KPJJ)*. Laporan Projek Penyelidikan: Universiti Teknologi Mara.
- Alimen, R. A. (2009). Attitude towards Physics and Physics Performance, Theories of Learning, and Prospects in Teaching Physics. *Liceo Journal of Higher Education Research*. 6(1), 301-321.
- Azhar Abd. Hamid, Mohd. Koharuddin Balwi, Mohammad Fauzi Othman & Othman A. Kassim (2006). *Reka Cipta & Inovasi Dalam Perspektif Kreativiti*. Skudai: Penerbit UTM.
- Cheng, V. M. Y. (2004). Developing Physics Learning Activities for Fostering Student Creativity in Hong Kong. *Asia-Pacific Forum on Science Learning and Teaching*. 5(2), 1-15.
- Creswell, J. W. & Clark, V. C. P. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, California: SAGE Publication.
- Cropley, D. & Cropley, A. (2010). Recognizing and Fostering Creativity in Technological Design Education. *International Journal Technology Design Education*. 20(1), 345-335.
- Forest, J. & Faucheux, M. (2011). Stimulating Creative Rationality to Stimulate Innovation. *Creativity and Innovation Management*. 20(3), 207-212.
- Forrester, M. A. (ed.) (2010). *Doing Qualitative Research in Psychology*. London: SAGE Publications Ltd.
- Foursight Consulting Group Inc. (2004). How Would You Rate Your Creativity? Dicapai pada September 12, 2011 daripada <http://www.foursightconsulting.com>
- Haigh, M. (2007). Can Investigative Practical Work in High School Biology Foster Creativity? *Research in Science Education*. 37(2), 123 - 140.
- Haigh, M., France, B. & Forret, M. (2005). Is 'Doing Science' in New Zealand Classrooms an Expression of Scientific Inquiry? *International Journal of Science Education*. 27(2), 215-226.
- Haryanti Mohd Affandi (2009). *Ketekunan, Kreativiti dan Inovasi Di Kalangan Pelajar UTHM*. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.

- Hong, M. & Kang, N. H. (2009). South Korean and the US Secondary School Science Teachers' Conceptions of Creativity and Teaching for Creativity. *International Journal of Science and Mathematics Education*. 8(1), 821-843.
- Karkockiene, D. (2005). Creativity: Can it be Trained? A Scientific Educology of Creativity. *cd-International Journal of Educology*. Special Issue, 51-58.
- Kim, M. & Chin, C. (2011). Pre-Service Teachers' Views On Practical Work With Inquiry Orientation In Textbook-Oriented Science Classrooms. *International Journal of Environmental and Science Education*. 6(1), 23-37.
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: McGraw Hill.
- Miles, M. B. & Huberman, M.A. (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Beverly Hills : SAGE Publication.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting, Azura Adam, Siti Norziah Abdullah, Nor Azirawani Man & Norfaryanti Kamaruddin (2007). *Penilaian Perkhidmatan Makmal*. Monograf 4. Serdang: Pusat Pembangunan Akademik (CADE) Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Mohsin & Nasruddin Yunus. (2008). *Halangan-Halangan Kepada Usaha Memupuk Kreativiti Di Kalangan Pelajar*. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) pada 8-19 Ogos 2008 di Hotel Mahkota, Melaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Fadila Mohd Amin & Mohd Fairul Mohamad Nawawi. (2010). *Amalan Penyelesaian Masalah Secara Kreatif Di Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta Di Kalangan Pelajar SPH*. Laporan Penyelidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sarimah Ismail dan Norzalia Abdullah. (2011), Persepsi Pelajar Terhadap Program DPLI Di Malaysia, Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011, (ISBN 978-983-42512-7-7), ms 196-222, 27-28 September 2011, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM